

08/12/1997

Menuntut ilmu sambil berjimat di Kolej Rima

Jamhariah Jaafar

KEGAWATAN mata wang yang melanda Malaysia sekarang turut memberi kesan ke atas bidang pendidikan, apabila bilangan pelajar yang dihantar ke luar negara dikurangkan.

Bagaimanapun keadaan ini ada rahmatnya kerana dalam kemelut yang berlaku, baru ada orang yang membuka mata untuk meninjau kemudahan pendidikan yang ada di dalam negara. Dan ternyata apa yang disediakan di tanah air sendiri, sebenarnya tidak jauh bezanya daripada apa yang diharapkan dapat dicapai di luar negara.

Malahan keadaan jauh lebih baik kerana selain menjimat perbelanjaan dengan pertukaran kadar asing yang jauh lebih tinggi, pelajar juga berpeluang untuk terus berada di negara sendiri dan ibu bapa sendiri tidak perlu risau akan keselamatan anak-anak kerana mereka akan sentiasa berada di depan mata.

Menyedari kelebihan ini, Kolej Rima, yang terletak di 54, Jalan Ampang, Kuala Lumpur, meningkatkan mutu pendidikan yang ditawarkan dan memastikan ia setanding dengan mana-mana kolej di luar negara.

Kolej yang mempunyai moto 'Pendidikan Untuk Semua dan Semua Untuk Pendidikan' menyediakan pelbagai jenis kursus daripada peringkat diploma hingga ijazah, dalam semua pengkhususan dan disiplin.

Bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang perniagaan dan komputer, kolej ini menawarkan Tiga Pilihan Terbaik:

* Kursus Ijazah New Zealand - alasan utama untuk kursus kerjasama dengan Universiti Lincoln ini adalah kerana kadar pertukaran wang dengan New Zealand adalah yang termurah berbanding dolar Amerika, pound sterling malahan dollar Australia.

Pelajar turut diberi peluang untuk berada hanya setahun di universiti berkenaan. Dengan hanya memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), anda hanya perlu mengikuti kursus asas selama lapan bulan, disusuli 16 bulan bagi pengajian tahun satu dan dua, sebelum melanjutkan pelajaran ke New Zealand.

Program Rima-Lincoln ini menyediakan pengkhususan dalam sembilan bidang iaitu Ekonomi, Pemasaran, Aplikasi Komputer, Pengurusan Kewangan, Pentadbiran Perniagaan, Perakaunan, Pelancongan, Pembuatan & Teknologi, serta Pengurusan Penilaian & Hartanah. Dengan kos kira-kira RM60,000 hingga RM75,000, melalui Kolej Rima, anda boleh mendapat ijazah dari Lincoln New Zealand hanya dalam tempoh tiga tahun;

* Program Ijazah British - program ijazah Universiti Bradford dilancarkan pada 1994 dan menawarkan Ijazah Kepujian Perniagaan dan Pengurusan. Ia adalah program selama tiga tahun dan kelulusan di setiap tahap, memberi laluan untuk pelajar memilih untuk melanjutkan pelajaran ke universiti berkenaan atau mereka boleh memilih untuk menyempurnakan Diploma Lanjutan (Tahun Tiga) di Kolej Rima dan melengkapkan keperluan berada dua minggu di United Kingdom. Cara ini menjimatkan pelajar sejumlah RM150,000 kerana untuk mendapat ijazah yang sama selama tiga tahun di universiti berkenaan, setiap pelajar merlukan lebih RM250,000.

* Kolej Kesetiausahaan Rima (RSFC) - program ini sudah bergerak ke Langkah Tahap Dunia terutama dalam pengajian asasnya. Ini adalah selaras dengan permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk melahirkan lebih ramai pekerja yang boleh menjalankan tugas, daripada mereka yang hanya tahu cara untuk bekerja.

(END)

